

KERTAS 1: Tatabahasa

- A. Dalam bahan di bawah ini, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti dua kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA

Tarikh: 22 Febuari 2025

Masa: 2:30 petang hingga 4:30 petang

Tempat: Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Idris

Semua guru dan murid di jemput hadir beramai-ramai.

- (i) _____
- (ii) _____

- B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda amat penting demi untuk mengekalkan keamanan negara.

- (ii) Budak lelaki itu membantu ayahnya di kebun sejak menyiapkan tugas sekolahnya.

- C. Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan gambar tersebut, tulis satu peribahasa yang sesuai.



Ingat

- Ejaan "di" yang ditulis rapat digunakan untuk imbuhan "di-" yang diikuti kata kerja. Contohnya, dimasak, dimakan, ditulis.
- Ejaan "di" yang dijarakkan digunakan untuk kata sendi nama "di". Contohnya, di dapur, di padang, di kantin.
- Kata sendi nama "demi" tidak perlu digunakan bersama dengan kata sendi nama "untuk" kerana dianggap lewah.